

**Dewan Negara: Bank Negara Keluarkan 447 Lesen Pengurusan Wang Sehingga April – Ahmad Maslan**  
**Bernama**  
**Jun 25, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara pada Rabu diberitahu terdapat 447 syarikat perkhidmatan pengurusan wang berlesen di seluruh negara setakat 30 April lalu.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan berkata sebelum ini terdapat 836 pemegang lesen perkhidmatan itu namun lesennya dibatalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selepas didapati tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan.

"Hal ini kerana beberapa kriteria yang telah dikenakan oleh BNM untuk dipatuhi oleh mana-mana entiti yang mahu menjalankan pengurusan wang antaranya tiada rekod jenayah, bukan dalam status bankrap, dan ada pengetahuan untuk melaksanakan syarikat pengurusan wang itu," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Chew Lian Keng.

Menurut Ahmad, pemegang lesen yang didapati melanggar syarat akan diambil tindakan antaranya pembatalan lesen serta-merta, denda tidak lebih RM5 juta dan penjara tidak lebih 10 tahun.

Ahmab berkata setakat ini juga tiada pemegang lesen yang terlibat dalam pengubahan wang haram, namun 17 syarikat telah diambil tindakan kerana tidak mematuhi keperluan menyimpan rekod seperti yang tertakluk dalam Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

Terdahulu dalam soalan asalnya Chew ingin tahu statistik syarikat pengurusan wang yang beroperasi dan langkah kementerian dalam membendung gejala pengubahan wang haram di negara ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049111>